

BAB 10

Menyambut hari kemerdekaan negara dengan meriah merupakan sesuatu yang harus dilakukan oleh setiap warganegara yang patriotik.

Di peringkat sekolah, Hari Kemerdekaan boleh diraikan dengan mengadakan kempen serta aktiviti yang dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid sekolah. Aktiviti-aktiviti tersebut harus melibatkan setiap warga sekolah daripada pelbagai kaum dan latar belakang, malah ibu bapa juga boleh turut serta dalam aktiviti ini. Poster dan maklumat berkaitan dengan sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan serta kejayaan yang dicapai oleh negara kita sejak kemerdekaan perlu disediakan dan disebar luas sama ada dengan menampalnya di sudut-sudut maklumat di sekolah atau di laman web sekolah.

Pertandingan mencipta logo Hari Kemerdekaan peringkat sekolah, kuiz merdeka, ceramah dan pidato boleh dianjurkan agar semangat kebangsaan serta rasa bangga kita sebagai warganegara yang merdeka dapat dirasakan oleh semua. Suasana di sekolah juga harus dimeriahkan lagi dengan pertandingan mengibar dan menghias sekolah dan kelas dengan bendera negara kita.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)
(Maksimum = 4 markah)*